

Lawatan Latihan Industri ke Bandung, Indonesia

Artikel oleh: Hennie Fitria W. Soehady Erfen

Satu lawatan penilaian Latihan Industri di Institut Teknologi Bandung, Indonesia telah diadakan pada 3 hingga 5 Julai 2011 yang lalu. Seramai lima orang pelajar Program Geologi telah berpeluang menjalani latihan industri selama 10 minggu di Fakultas Ilmu dan Teknologi Kebumihan, ITB di bawah tiga orang penyelia dalam kepakaran masing-masing iaitu geologi struktur (Dr. Benyamin Sapiie), sedimentologi (Dr. Dardji Noeradi) dan geokimia petroleum (Prof. Dr. Eddy Subroto) yang menjurus kepada aplikasi teori geologi petroleum. Para pelajar didedahkan dengan ilmu pentafsiran seismik dan log menggunakan perisian Petrel, Kingdom dan *Geotechnical Solution* (GS) selain penentuan batuan punca dengan kaedah analisis geokimia, *Total Organic Carbon* (TOC) dan *Pyrolysis Gas Chromatograph* (Py-GC). Secara keseluruhan, para pelajar berpeluang menggunakan data terkini daripada organisasi perminyakan di Indonesia bagi tujuan pembelajaran dan pentafsiran data. Latihan Industri ini dilihat menyediakan platform untuk pelajar menimba pengetahuan dan meningkatkan kemahiran insaniah

